

Plastikancam hidupan laut

Sinar Harian 27/7/2018 m/s33

KUALA NERUS - Plastik yang hanyut di lautan memberi ancaman besar kepada hidupan marin terutama penyu di negara ini.

Ketua Unit Penyelidikan dan Pemuliharaan Penyu (SEATRU) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Uzair Rusli berkata, plastik sama ada dalam bentuk fizikal atau dipanggil sebagai mikro plastik sering menjadi sasaran spesies hidupan laut itu kerana beranggapan ia adalah makanan.

Menurutnya, laporan Petugas Kebangsaan Rangkaian Kedamparan Mamalia Marin Malaysia, Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) mendapati kebanyakan hasil autopsi yang dijalankan terhadap hidupan marin akan menemui kesan plastik di dalam perut haiwan terbabit.

"Autopsi yang dijalankan itu menemui plastik dalam bentuk fizikal dan bukannya dalam keadaan mikro plastik, sekali gus menjadi penyebab kematian.

"Daripada rekod kematian, mendapati haiwan marin ini juga akan mengalami gangguan sistem pencernaan dan seterusnya menyebabkan haiwan terbabit hilang selera makan.

"Justeru, plastik hanyut ini



Penyu yang mati akibat termakan plastik.

memberi ancaman besar kepada haiwan marin seperti penyu yang menjadikan obor-obor sebagai makanan," katanya.

Mohd Uzair yang juga Pensyarah Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran UMT berkata, plastik juga boleh memberi kesan kepada sistem pemafasan haiwan marin khususnya penyu kerana menghalang pernafasan dan seterusnya mengakibatkan kematian.

Sehubungan itu, beliau

berharap semua pihak memainkan peranan dalam menjaga kelestarian alam sekitar termasuk ekosistem laut.

"Peranan harus dimainkan bukan sahaja oleh industri, pihak berkuasa dan pihak berwajib tetapi kesedaran sivik itu harus dipupuk ke atas setiap individu.

"Pencemaran plastik boleh dikawal sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing demi menjaga kelestarian sejagat," katanya.